

31 AUG 1996
LEAD Merdeka-Perarakan
MALAYSIA TERUS BANGGA PADA HARI KEMERDEKAAN

KOTA KINABALU, 31 Ogos (Bernama) -- Bangsa Malaysia menyambut Hari Kemerdekaan ke-39 dengan penuh kebanggaan apabila motosikal buatan negara diperkenalkan kepada umum pada sambutan peringkat kebangsaan yang diadakan buat pertama kali di Sabah.

Perbarisan 70 motosikal nasional itu menjadi tarikan utama ribuan hadirin yang membanjiri Kompleks Sukan Likas di sini, termasuk Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pentas kenamaan.

Ia juga ditonton oleh berjuta rakyat di seluruh negara yang menonton siaran langsung sambutan itu melalui televisyen.

Bagi Sabah pula, kesempatan menganjurkan sambutan ini digunakan untuk memupuk semangat yakin diri di kalangan rakyatnya berikutan pelancaran kempen "Malaysia Boleh, Sabah Boleh" oleh Perdana Menteri semalam.

Terbukti Sabah boleh. Bandar Kota Kinabalu kini bertukar wajah menjadi lebih bersih dan indah serta diterangi neon pada waktu malam, sekalipun sebelum ini menghadapi pelbagai masalah termasuk gangguan bekalan elektrik.

Kemeriahan dan semangat cintakan negara jelas dirasakan di mana-mana khususnya di bandar ini apabila sejak malam tadi penduduk bandar membanjiri Padang Bandaran, dan kini dikenali sebagai Padang Merdeka, untuk menyambut detik 31 Ogos dan beramai-ramai melaungkan ungkapan "Merdeka" beberapa kali.

Motosikal nasional itu yang dihasilkan oleh Syarikat Motosikal dan Enjin Nasional Malaysia (Modenas) melakukan lintas lalu sejurus selepas perarakan semua model kereta nasional -- satu lagi kebanggaan dan lambang kemajuan negara -- melintasi pentas kenamaan.

Penyertaan Modenas sekaligus menyahut hasrat Perdana Menteri ketika merasmikan kilangnya sembilan bulan lepas bahawa beliau berharap motosikal nasional ini dapat disiapkan dan menyertai perarakan Hari Kemerdekaan. Hari ini harapan Dr Mahathir itu menjadi kenyataan.

Sesuai dengan tema "Budaya Penentu Kecapaian" sambutan menyaksikan perbarisan kontinjen, mengenakan pakaian tradisi berwarna-warni yang melambangkan nilai budaya Timur di samping menonjolkan keazaman rakyat untuk menjadi bangsa yang maju.

Lebih 12,000 anggota daripada 94 kontinjen berbaris megah melintasi hadapan pentas utama di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah serta Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai dan isteri Toh Puan Hajah Rukaiyah Datu Panglima Abdullah.

Yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, barisan menteri kabinet persekutuan dan negeri, diplomat asing serta pelancong.

Kontinjen-kontinjen mewakili sekolah, badan kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) baik dari Sabah mahupun negeri-negeri lain, datang seawal pukul 5.30 pagi, mengambil bahagian dalam sambutan yang bermula pada pukul 7 pagi dengan berlatarbelakangkan keanggunan Gunung Kinabalu di kejauhan.

Alam seakan-akan turut merestui sambutan itu apabila "menghadihkan" cuaca yang cerah yang menjamin kelancaran sambutan sekalipun ibu negeri dilanda musim hujan sejak beberapa hari lepas. Hujan hanya turun kira-kira sejam selepas sambutan selesai pada pukul 9.30 pagi.

Malam tadi, ibu negeri kaku kira-kira 15 minit apabila hampir semua

pemilik kenderaan memberhentikan kenderaan mereka untuk menyaksikan pertunjukan bunga api di Padang Merdeka yang boleh dilihat sekitar lima kilometer dari ibu negeri.

Pelajar-pelajar tidak ketinggalan memeriahkan suasana dengan persembahan gimrama dan formasi bendera Malaysia serta logo Hari Kebangsaan 1996 membabitkan 2,500 pelajar di sekitar Kota Kinabalu, diikuti lintas hormat pesawat ringan Sabah Air Sdn Bhd yang membawa beberapa bendera, sepanduk tema perayaan dan logo sambutan.

Sabah menyajikan kelainan pada sambutan kali ini dengan penyertaan skuad berkuda kaum Bajau serta tarian Anjung yang menggabungkan semua tarian tradisi negeri ini.

Orang ramai turut disajikan dengan pertunjukan udara dan payung terjun oleh 20 penerjun TUDM yang diketuai Mej Mahmud Hamzah yang juga membawa bendera kebangsaan, logo, dan bendera Sabah dan semua negeri di Malaysia.

Pertunjukan udara itu membabitkan lima pesawat pejuang jenis Hawk, lima MiG 29, tiga helikopter Allouette dan tiga helikopter Nuri.

Di KUALA LUMPUR, ribuan warga kota mengambil bahagian dalam pelbagai acara sambutan Hari Kebangsaan yang diadakan sejak pagi lagi.

Kira-kira 5,000 orang menyertai acara larian dan berjalan kaki Merdeka anjuran Motorola-The Sun dan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) di Dataran Merdeka pada pukul 7.30 pagi.

Datuk Bandar Tan Sri Kamaruzzaman Shariff yang melancarkan Larian Merdeka itu turut merasmikan satu acara "Kenali Malaysia Superbike Rally '96" di tempat yang sama.

Satu acara belon udara panas diadakan di Dataran Merdeka petang ini.

Antara acara lain yang disediakan ialah pertandingan memancing di Taman Tasik Titiwangsa yang diadakan sejak pukul 7 pagi dan pertunjukan model kapal terbang kawalan radio anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di tempat yang sama pada pukul 9 pagi.

Di KUALA TERENGGANU, lebih 10,000 orang terdiri daripada murid sekolah, kakitangan kerajaan, badan berkanun, pertubuhan sukarela, tentera dan polis menyertai perbarisan sempena hari kebangsaan peringkat negeri Terengganu.

Perbarisan sejauh kira-kira tiga kilometer itu bermula dan berakhir di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah.

Sultan Terengganu berangkat ke majlis itu. Yang turut hadir ialah Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan pembesar-pembesar negeri.

Majlis berbentuk agama bagi menyambut perayaan itu diadakan di masjid-masjid kerajaan di seluruh negeri malam tadi.

Di KUANTAN, Pemangku Raja Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah menerima tabik hormat daripada 54 kontinjen yang mengambil bahagian dalam perbarisan sempena hari kebangsaan di Padang MPK 1.

Pasukan Tambor dari Regimen ke-12 Askar Melayu Diraja mendahului perbarisan itu yang turut disertai wakil-wakil daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta di negeri ini.

Hujan lebat sejak 7.30 pagi tidak memuramkan semangat kira-kira 20,000 penonton untuk datang menyaksikan pelbagai pertunjukan yang diadakan sempena sambutan itu.

Antara acara menarik yang dipersembahkan ialah demonstrasi seni mempertahankan diri oleh Rakan Waja Diri Pahang yang menggabungkan lapan perguruan seni termasuk silat, karate-do dan taekwondo dengan diiringi 24 jenis gendang Melayu, Cina dan India.

Di JOHOR, sambutan Hari Kebangsaan peringkat negeri diadakan di Segamat dengan lebih 8,000 orang daripada 127 kontinjen yang mewakili agensi kerajaan, pasukan keselamatan, pertubuhan sukarela, sekolah dan syarikat swasta mengambil bahagian dalam perarakan.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman menerima tabik hormat di astaka khas yang dibina di Dataran Segamat di Jalan Awang. Yang turut hadir ialah

pembesar-pembesar lain negeri.

Dalam suasana meriah dan berwarna warni serta kibaran bendera Malaysia dan negeri Johor, pasukan yang mengambil bahagian dalam perarakan telah berarak kira-kira tiga kilometer.

Pameran Hari Kebangsaan juga diadakan di Dewan Jubli Intan Segamat selama tiga hari mulai 8 pagi hingga 10 malam. Selain itu, pertandingan melukis, mewarna dan nyanyian lagu patriotik diadakan selama dua hari mulai esok.

Malam tadi, Abdul Ghani, para anggota Exco Kerajaan Negeri yang beragama Islam serta pegawai kanan kerajaan menghadiri majlis tahlil dan doa selamat di Masjid Jamek Segamat.

Di MELAKA, sebanyak 86 pasukan membabitkan kira-kira 5,000 peserta mengambil bahagian dalam perbarisan Hari Kebangsaan di Bandar Hilir.

Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabudin memeriksa pasukan kawalan kehormat 106 anggota Rejimen ke-17 Askar Melayu Diraja dari Kem Terendak yang diketuai Mejar Azman Mohd Yasin.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani dan barisan anggota Exco kerajaan negeri, wakil-wakil rakyat dan ketua-ketua jabatan kerajaan.

Para pelancong turut menyertai lebih 10,000 orang yang berkumpul sejak awal pagi di pekarangan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan menyaksikan perarakan itu.

Malam tadi, dua ekor gajah dari Zoo Melaka digunakan untuk membawa bendera Malaysia dan negeri Melaka untuk upacara menaikkan bendera di hadapan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan.

Di SEREMBAN, sebanyak 3,750 peserta daripada 70 kontinjen pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, pasukan seragam, syarikat swasta dan pertubuhan sukarela mengambil bahagian dalam perarakan Hari Kebangsaan peringkat negeri.

Ini merupakan kali kedua berturut-turut perarakan sempena Hari Kebangsaan peringkat negeri diadakan dalam keadaan hujan lebat tetapi ia tidak melemahkan semangat para peserta dan orang ramai yang turut menyaksikan perarakan itu di hadapan bangunan Majlis Perbandaran Seremban.

Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tunku Naquiyuddin Tuanku Ja'afar dan isteri beserta Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan pegawai-pegawai kanan kerajaan negeri turut hadir.

DI KLANG, ribuan orang menghadiri perhimpunan Hari Kebangsaan yang diadakan secara besar-besaran di peringkat negeri Selangor di Padang Sultan Suleiman.

Hujan renyai-renyai tidak menghalang mereka daripada membawa keluarga masing-masing untuk bersama-sama meneriakkan tiga laungan "Merdeka" serta memeriahkan sambutan yang menyaksikan perbarisan 39 kontinjen berpakaian seragam dan kontinjen daerah dari seluruh negeri.

Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib mengajak rakyat menghayati tema "Budaya Penentu Kecapaian" dengan memastikan penguasaan budaya ilmu, budaya kecemerlangan, budaya gigih menghadapi cabaran dan budaya profesional dalam setiap yang dilakukan.

"Penghayatan budaya yang positif dalam bidang baru seperti teknologi maklumat disertai penghayatan ajaran agama akan menjadikan rakyat berkualiti dan mampu menjulang Malaysia ke tahap ketamadunan yang lebih tinggi," katanya ketika berucap pada perhimpunan itu.

Di PULAU PINANG, sebanyak 128 kontinjen yang mewakili pelbagai jabatan, agensi kerajaan, swasta, pertubuhan dan sekolah mengambil bahagian dalam perarakan di Padang Kota Lama.

Seramai 500 orang belia mempamerkan tujuh acara persembahan di bawah program Rakan Muda di hadapan kira-kira 10,000 orang rakyat negeri ini yang membanjiri padang itu sejak pagi lagi.

Yang turut hadir ialah Yang Dipertua Negeri Tun Hamdan Sheikh Tahir, isterinya Toh Puan Siti Zainab Baharuddin, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Puan Sri Chui Kah Peng, anggota-anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta isteri masing-masing.

Selain sambutan peringkat negeri, penduduk di sekitar Kampung Juru turut mengadakan perarakan di peringkat kampung yang bermula kira-kira pukul 9 pagi.

Sebanyak 22 kontinjen meliputi Persatuan Nelayan, Pertubuhan Peladang Kawasan, Jawatankuasa Keselamatan dan Kawalan Kampung dan penduduk kampung mengambil bahagian dalam perarakan di padang Sekolah Kebangsaan Juru.

Pada majlis sambutan hasil inisiatif penduduk kampung berkenaan dan dibantu oleh Bahagian Keselamatan Negara Pulau Pinang, sembilan tokoh veteran yang terlibat dalam perjuangan menentang penjajah dan Malayan Union turut diraikan sebagai mengenang jasa mereka.

Di KANGAR, acara perarakan yang membabitkan kira-kira 6,000 peserta daripada lebih 100 kontinjen berlangsung dalam suasana hujan renyai tetapi meriah walaupun ditunda selama dua jam.

Perarakan yang mengelilingi bandar Kangar bermula di Jalan Kolam sepatutnya bermula pukul 8 pagi tetapi ditunda sehingga pukul 10 pagi berikutan hujan lebat sejak awal pagi.

Antara peserta perarakan ialah 50 kanak-kanak taman bimbingan kanak-kanak (Tabika) Kemas yang berbasikal dan kumpulan penentang Malayan Union yang kelihatan masih bersemangat meskipun telah lanjut usia.

Raja Muda Perlis dan Raja Puan Muda berangkat menyaksikan perarakan itu yang turut diserikan dengan persembahan tambor oleh anggota-anggota batalion ke-3 Rejimen Renjer Diraja.

DI KOTA BAHARU, sambutan Hari Kemerdekaan peringkat negeri meriah dengan persembahan kebudayaan dan pertunjukan seni mempertahankan diri di Stadium Sultan Mohd keempat.

Beribu-ribu penonton membanjiri stadium bagi menyaksikan pertunjukan dan perarakan oleh 3,500 peserta daripada pelbagai jabatan, agensi kerajaan dan sektor swasta.

Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hadir dalam upacara itu.

Di BINTULU, kehadiran sembilan kontinjen Barisan Nasional (BN) Sarawak dalam perbarisan Hari Kemerdekaan peringkat negeri di padang Dewan Suarah memanaskan sedikit keadaan pilihan raya negeri yang sedang berlangsung sekarang.

Kehadiran mereka merupakan sebagai satu penaik semangat kepada para pengundi agar memilih BN terutama di dua kawasan -- Jepak dan Kidurung - dalam Bahagian ini yang menghadapi saingan pada pilihan raya negeri Sarawak pada 7-8 Sept ini.

Satu kawasan lagi -- Kemena -- dimenangi BN pada hari penamaan calon pada 27 Ogos apabila Menteri Kemaajuan Tanah Sarawak Datuk Celestine Ujang Jilan menang tanpa bertanding.

Kesemua sembilan kontinjen BN tersebut ialah satu kontinjen pembawa bendera BN manakala yang lain ialah wanita Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Kidurung, wanita PBB Kemena, PBB Kidurung, PBB Kemena, wakil Parti Rakyat Bersatu Sarawak (Supp), wakil Parti Kebangsaan Sarawak (Snap), wakil pemuda Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), wakil wanita PBDS.

Kumpulan kontinjen BN itu adalah sebahagian daripada 70 kontinjen yang terdiri daripada jabatan-jabatan kerajaan, swasta dan persatuan serta pertubuhan yang mengambil bahagian dalam perbarisan itu.

Tabik hormat perbarisan diambil oleh Yang Dipertua Negeri Tun Ahmad

Yang turut hadir ialah isteri Yang Dipertua Negeri Toh Puan Hajah Rosmiati, Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, menteri-menteri dan menteri-menteri muda negeri, ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan bersama-sama kira-kira 20,000 orang rakyat dari sekitar kawasan ini.

Pelbagai aturcara diadakan seperti pembacaan ikrar, pembacaan puisi patriotik, persembahan nyanyian oleh kumpulan koir, pertunjukan tempur tanpa senjata serta pertunjukan gabungan platun dan serunai tentera darat.

-- BERNAMA